

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD  
[KANGAR]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menampung peningkatan pengangguran akibat kehilangan kerja berikutan pandemic COVID-19. Adakah Kementerian mengambil kira usaha mereka yang kehilangan kerja untuk berniaga sebagai kumpulan yang layak menerima bantuan khas usahawan

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensi-agensinya, telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menampung peningkatan pengangguran akibat kehilangan kerja berikutan pandemik COVID-19, khususnya melalui inisiatif pembiayaan dan pembangunan kapasiti.

**PROGRAM PEMBIAYAAN USAHAWAN**

2. **TEKUN Nasional** sebagai salah satu agensi di bawah MEDAC telah melaksanakan pelbagai inisiatif/program bagi membantu usahawan khususnya usahawan mikro dan informal. TEKUN menyediakan pembiayaan sehingga RM10,000 kepada usahawan termasuklah mereka yang kehilangan pekerjaan akibat penularan COVID-19. Untuk tahun 2020, sehingga bulan September, TEKUN telah menyalurkan peruntukan berjumlah **RM511.5 juta** kepada **47,857 orang usahawan**. Antara program TEKUN yang mendapat sambutan yang baik ialah Program

TEKUN *Mobilepreneur*. Di bawah program ini, TEKUN menyediakan pembiayaan sehingga RM10,000 yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan untuk membaiki atau membeli motosikal. Sehingga 7 Oktober 2020, seramai **1,943 permohonan** telah diluluskan dengan nilai pembiayaan berjumlah **RM15,845,000**.

3. MEDAC melalui agensinya **SME Corp. Malaysia** telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

i. **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)**

j.

- Program ini memberi keutamaan kepada golongan belia berumur 18-30 tahun, yang diberhentikan kerja akibat terkesan dengan wabak COVID-19, serta mempunyai minat yang mendalam untuk menceburi bidang perniagaan.

- Bantuan yang akan diberikan adalah berbentuk latihan dengan geran memulakan perniagaan sehingga maksimum RM15,000 dan pemantauan perniagaan untuk tempoh 12 bulan. Permohonan bagi Program ini telah dibuka secara dalam talian bermula pada 15 Oktober 2020 dan akan berakhir pada 25 Oktober 2020.

ii. **Program *Micro Connector***

- Inisiatif ini menerapkan penggunaan teknologi digital kepada pengusaha mikro dan komuniti B40 yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan, di samping bantuan geran yang memudahkan mereka meneruskan atau memulakan perniagaan melalui platform digital.

- Pada tahun ini sehingga September 2020, sejumlah 4,619 usahawan telah menyertai dan memulakan perniagaan atas digital platform melalui program *Micro Connector*.

## **PROGRAM LATIHAN KEUSAHAWANAN ATAS TALIAN**

4. Selain itu, antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh MEDAC melalui agensinya **INSKEN** untuk membantu dan membimbing usahawan baru adalah melalui program secara atas talian seperti berikut:

- i. INSKEN *Business Training (IBT)*
- ii. Kursus Asas Keusahawanan (KAK)
- iii. INSKEN *Masterclass*
- iv. INSKEN *e-BizClinic*
- v. *Online Onboarding Coaching Programme (E-Board)*

5. Sehingga kini, seramai 8362 peserta telah mendapat manfaat daripada program INSKEN ini.

6. Melalui program-program yang dilaksanakan ini, MEDAC berharap supaya dapat membantu membimbing usahawan baru akibat kehilangan pekerjaan sekaligus dapat mengurangkan pengangguran berikutan pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kesesakan dan pembelajaran dua sesi di SMK Kemabong Tenom.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara. Bagi tujuan ini, KPM akan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci dengan mengambil kira bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan (*catchment area*), serta perancangan pembangunan berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi sesebuah kawasan.

Berdasarkan semakan data KPM sehingga 31 Oktober 2020, SMK Kemabong kini beroperasi secara dua sesi dan enrolmen murid di SMK Kemabong telah melepasi tahap optimum. Analisis yang dilaksanakan oleh KPM mendapati bahawa wujud keperluan untuk membina sebuah sekolah menengah baharu di kawasan ini.

**NO. SOALAN : 345**

Sehubungan itu, KPM menerusi Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah merancang untuk melaksanakan projek pembinaan sekolah menengah baharu di sekitar kawasan Kemabong, Tenom. KPM akan mengemukakan permohonan untuk membuat perolehan tanah terlebih dahulu dalam Rancangan Malaysia Ke-12 sebelum memohon untuk pembinaan bangunan sekolah menengah baharu. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada agensi pusat dan kedudukan kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi Sekolah Pendidikan Khas negeri Sabah khususnya di daerah Tenom.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memberikan pendidikan yang setara kepada semua murid dan tidak terkecuali kepada murid berkeperluan khas (MBK). Sehingga kini, terdapat sebanyak lima (5) buah sekolah di Tenom yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) iaitu tiga (3) buah sekolah rendah dan dua (2) buah sekolah menengah. Bagi Program Pendidikan Inklusif (PPI) pula, terdapat 11 buah sekolah rendah dan lima (5) buah sekolah menengah di Tenom yang melaksanakannya.

KPM turut merancang pembangunan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional bagi zon Sabah. Permohonan peruntukan bagi projek tersebut akan dikemukakan dalam Permohonan Peruntukan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12), *Rolling Plan* Ketiga (RP3) bagi Tahun 2022. Walau bagaimanapun, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah sentiasa meneliti keperluan bagi menambah bilangan PPKI di negeri Sabah. Sekian.